

28/09/1997

Mengapa perdebatan Umno semakin hambar?

A Nazri Abdullah

MESKIPUN jerebu dan kejatuhan pasaran saham menjadi isu yang hangat diperkatakan sekarang, rasanya belum terlewat untuk melontar sekilas pandangan mengenai Perhimpunan Agung Umno yang berakhir dua minggu lalu.

Perhimpunan itu berjalan lancar dan teratur, tahniah kita ucapkan kepada Setiausaha Agung Umno yang baru Datuk Sabbaruddin Chik.

Apa yang agak terkilan ialah mutu perbahasan tahun ini jelas sekali hambar dan lemah.

Perhimpunan Pemuda dan Wanita juga gagal mengemukakan sebarang agenda besar dan pelan bertindak yang boleh menjadi teras perjuangan baru kedua-dua sayap Umno itu.

Selaku pemimpin baru yang mengepalai Pergerakan Pemuda dan Wanita, ucapan sulung mereka amat besar maknanya kepada perwakilan dan pemerhati.

Lazimnya ucapan sulung itulah yang akan menyelitkan bentuk dan dasar perjuangan yang bakal diterajui oleh mereka.

Bagaimanapun ucapan kedua-dua mereka sekadar mengemukakan pandangan lama dan tidak kurang pula dengan tuntutan kepada pucuk pimpinan parti.

Pemuda dan Wanita sepatutnya mencari isu yang kurang diberi perhatian oleh Umno Pusat sebagai agenda perjuangan mereka.

Soal pembangunan luar bandar, isu sosial dan keruntuhan nilai dalam masyarakat Melayu disebabkan kejutan kemajuan ekonomi boleh dijadikan agenda perjuangan Pemuda dan Wanita.

Mereka sepatutnya bersedia turun ke desa dan luar bandar, menyelami rasa hati dan kegelisahan rakyat yang masih ramai menjadi penonton kepada kemajuan negara.

Tatkala pemimpin-pemimpin pusat sibuk dengan pelbagai agenda perindustrian dan projek-projek besar yang lain, Pemuda dan Wanita sepatutnya bersedia turun ke desa bermalam dengan petani, nelayan dan sebagainya bagi menyediakan minda dan semangat mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran baru.

Pergerakan Pemuda dan Wanita boleh menjadikan gejala sosial sebagai agenda utama perjuangan kerana keruntuhan institusi kekeluargaan di kalangan masyarakat Melayu semakin hari semakin parah.

Agenda ini mungkin tidak popular dan sudah banyak pihak cuba menanganinya. Bagaimanapun yang penting bukanlah mencari populariti tetapi menyedarkan masyarakat betapa perlunya dipertahankan nilai budaya dan institusi kekeluargaan daripada musnah seperti mana yang berlaku di Barat sekarang.

Perwakilan juga gagal membahaskan agenda budaya yang menjadi inti ucapan pembukaan Presiden. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu membuka minda perwakilan kepada erti kebudayaan yang lebih besar merangkumi budaya fikir, budaya kerja, budaya kreatif dan sebagainya.

Malangnya perwakilan gagal menyahut cabaran Presiden sebaliknya ucapan mereka dipenuhi dengan puji-pujian yang masih menjadi sebahagian daripada budaya Umno yang tidak mempunyai apa-apa faedah kepada kemajuan bangsa.

Perhimpunan Umno sebagai tempat pencernaan fikiran yang unggul dan terbesar sepatutnya menjadi medan untuk berpolemik isu-isu bangsa dan nasional yang lebih besar.

Pantun dan lawak jenaka perlu dikurangkan kerana Perhimpunan Agung Umno bukanlah sarkas.

Ramai yang bercakap soal ekonomi tetapi sekadar mengulangi perkara lama tanpa sebarang cadangan baru yang konkrit.

Kita ingin melihat umpamanya perwakilan membahaskan isu kewangan dan ekonomi negara secara mendalam disokong dengan data dan kajian bagi membantu Menteri Kewangan mengemukakan Belanjawan Negara.

Tidak seorang pun perwakilan yang menyentuh keputusan kerajaan membelanjakan RM60 bilion untuk menyokong pasaran saham yang menguntungkan cuma lima peratus rakyat, sedangkan wang itu datangnya daripada seluruh rakyat.

Setelah 16 tahun mengikuti Perhimpunan Agung Umno, penulis dapat melihat perbezaan yang amat ketara dari segi mutu dan keberanian perwakilan membahaskan dasar kerajaan.

Perwakilan hari ini langsung tidak berani menegur, jauh sekali mengkritik menteri dan pucuk pimpinan.

Masing-masing gemar memuji sehingga Presiden terpaksa menegur songkoknya terpaksa ditukar setiap tahun. Berbeza dengan sepuluh tahun lalu ketika ramai guru dan pegawai kerajaan menjadi perwakilan.

Mereka lebih berani dan bebas menyuarakan pandangan kerana tidak ada apa-apa kepentingan diri melainkan untuk kebaikan parti. Mereka tidak mengharapkan sebarang projek atau kontrak daripada mana-mana menteri jadi mereka tidak takut untuk menegur dan mengkritik.

Sebaliknya perwakilan Umno hari ini dikuasai oleh golongan usahawan dan ahli perniagaan yang mempunyai kepentingan perniagaan.

Mereka tidak lagi bercakap mewakili seluruh masyarakat Melayu tetapi mewakili segelintir usahawan dan orang politik.

Oleh kerana untuk menjadi perwakilan Bahagian terpaksa membelanjakan wang yang banyak, maka golongan guru dan petani, walaupun aktif dan lebih bernas fikirannya gagal dipilih sebagai perwakilan.

Barangkali Majlis Tertinggi Umno perlu mengadakan peraturan baru bagi menjamin perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno lebih menyeluruh.

Barangkali ada kebijaksanaannya jika MT mengenakan sistem kuota bagi membolehkan kaum guru, petani, pegawai rendah dan sebagainya menjadi perwakilan.

Tanpa peraturan baru, kita bimbang perwakilan Bahagian akan dikuasai seratus peratus oleh ahli perniagaan dan usahawan.

Hakikat bahawa tidak ada perwakilan yang membahaskan isu budaya secara mendalam menunjukkan Umno sudah kehilangan pejuang budaya, pemikir dan pengkritik sosial yang amat penting dalam pembinaan bangsa dan negara.

Kita yakin sekiranya kaum guru, petani dan pegawai rendah kerajaan dibenar menjadi perwakilan, perbahasan Umno akan lebih ceria dan bernas.

(END)